



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

MAJLIS RAMAH MESRA KSN DENGAN KOMUNITI PUTRAJAYA

**6 FEBRUARI 2013
8.30 MALAM
DEWAN A, PUSAT KONVENSYEN
ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

Bismillahir rahmanir rahim
Assalamualaikum warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Tan Sri Dr. Aseh Che Mat
Presiden Perbadanan Putrajaya

YBhg. Dato' Othman Mahmood,
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Hasim Ismail
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah & Kesejahteraan Bandar

YBhg. Dato' Abdul Rahman Othman
Ketua Pengarah Pertubuhan Malaysia

YBhg. Dato' Azman Amin Hassan
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional , JPM

YBhg. Datuk Azlan Abdul Karim
Ketua Pegawai Eksekutif,
Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.

Y.Berusaha Tuan Haji Roslan Abu Hanif
Pengerusi, Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar ,Putrajaya (MPKB),

Pengerusi-pengerusi dan Wakil-wakil MPKB bagi Setiap Zon/Presint di
Putrajaya,

Wakil-wakil Badan Bukan Kerajaan (NGOs),

Para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinanNya jua, dapat kita berhimpun dan beramah mesra pada malam ini. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, saya telah lama berhasrat untuk bertemu komuniti Putrajaya sejak dilantik di jawatan sekarang pada bulan Jun yang lalu. Namun, saya berpendapat biarlah saya sendiri menjadi warga Putrajaya terlebih dahulu, dan ini dapat direalisasikan setelah saya sekeluarga berpindah ke Putrajaya pada bulan Disember yang lalu. Alhamdulillah, kami sekeluarga telah '*settle down*' di kediaman rasmi di Presint 10, dan anak bongsu saya juga amat gembira dengan sekolah barunya, terutamanya komuniti Putrajaya yang hidup dalam keadaan yang aman, tenteram dan damai. Sesungguhnya saya amat gembira dan berbangga kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam majlis ini.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para tetamu terutamanya wakil-wakil MPKB, wakil-wakil Persatuan Penduduk di Putrajaya, Badan-badan Bukan Kerajaan, dan juga pegawai-pegawai Kerajaan dari beberapa agensi, dan ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan padu serta kerjasama erat yang telah diberikan bagi menjayakan majlis pada malam ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

3. Saya telah dimaklumkan bahawa Majlis ini mencatatkan sejarah, di mana buat julung kalinya, komuniti Putrajaya dapat bertemu dengan KSN, dan saya percaya ini perlu diteruskan. Untuk makluman semua, saya mengamalkan dasar kepimpinan terbuka, jujur, ikhlas serta berterus terang dalam semua urusan di pelbagai peringkat dalam Kerajaan. Selain dari itu, saya juga telah memperkenalkan konsep

“Merakyatkan Perkhidmatan Awam”, dan sebagai warga Putrajaya, saya juga ingin merasai denyutan nadi komuniti Putrajaya, dan berharap agar apa jua permasalahan yang ada dapat kita selesaikan dengan baik dan cepat.

Dasar Transformasi Nasional

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati

4. Sebagai warga Putrajaya, kita harus bersyukur dapat menikmati segala kemudahan-kemudahan moden yang telah disediakan oleh Kerajaan. Setiap presint di Putrajaya telah disediakan dengan pelbagai kemudahan yang *‘first class’* seperti kuarters bagi penjawat awam, dewan serbaguna, kompleks sukan, masjid, surau, taman-taman rekreasi dan sebagainya. Kita juga harus memastikan bahawa kebersihan Putrajaya dan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan dijaga dengan baik dan selamat.

5. Selain dari itu, sebagai warga Putrajaya juga, di mana Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan kawasan perumahan paling moden di negara ini, kita perlu memainkan peranan sebagai penggerak utama bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, dan ia memerlukan komitmen daripada semua pihak. Komitmen di pihak Kerajaan pula ialah dengan memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional seperti Program Tranformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP),

Program Transformasi Politik (PTP), dan juga melalui pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*).

6. Bertolak daripada kesedaran mengenai kehendak rakyat itulah, Kerajaan telah menumpukan sepenuhnya terhadap proses perubahan atau “transformasi” dalam dua bidang utama yang telah saya sebut sebelum ini iaitu ETP dan GTP. GTP Roadmap 2.0 bagi tempoh 2013-2015 telah dilancarkan selepas kejayaan memberangsangkan GTP dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

My Beautiful Malaysia & Semangat Kesukarelawan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga Putrajaya yang terlibat di dalam program ‘My Beautiful Malaysia’, yang telah dilancarkan di seluruh negara pada hari Ahad yang lalu. Saya telah dimaklumkan di Putrajaya sahaja, hampir 10,000 warga Putrajaya telah bersama-sama turun padang, dalam menjayakan program ‘My Beautiful Malaysia’ tersebut.

8. YAB Perdana Menteri juga ketika pelancaran program My Beautiful Malaysia tempoh hari telah memperkenalkan ‘Program Transformasi Sosial’ (*Social Transformation Programme – STP*) yang melengkapkan Dasar Transformasi Nasional. Umpama sebuah meja, Dasar Transformasi Nasional kini telah lengkap mempunyai empat kaki, melalui GTP, ETP, PTP dan kini STP.

9. Program Transformasi Sosial kini sedang giat dilaksanakan Kerajaan berasaskan kepada penglibatan konstruktif golongan belia dalam proses pembinaan negara bangsa, berpandukan sistem nilai, budaya, dan sikap masyarakat yang kukuh. Marilah sama-sama kita semai amalan kesukarelawan dan semangat patriotisma di kalangan kita dan anak-anak kita demi pembangunan negara, dan bagi merealisasikan Wawasan 2020 dan status negara maju mengikut acuan kita.

10. Bertitik tolak dengan pelancaran My Beautiful Malaysia, dan juga 'Tahun Kesukarelawan' pada tahun ini, masyarakat di Putrajaya juga perlu terus membina momentum dan semangat kesukarelawan di dalam komuniti masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Sebagaimana dalam saranan saya kepada penjawat awam supaya mempraktikkan pendekatan Strategi Lautan Biru dalam memudahkan tugas-tugas di pejabat, saya juga ingin mencadangkan agar Perbadanan Putrajaya, Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar, Putrajaya, Persatuan-Persatuan Penduduk Putrajaya, dan Badan-badan Bukan Kerajaan yang berada di sini melaksanakan pendekatan Strategi Lautan Biru dalam penganjuran program-program bersifat kemasyarakatan seperti program *My Beautiful Malaysia*, dengan memaksimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan seperti dewan-dewan serbaguna, kompleks-kompleks sukan, masjid-masjid, surau-surau, dan taman-taman rekreasi yang sedia ada di Putrajaya dengan kos yang minimum. Semoga budaya dan

semangat kesukarelawan dan kerja berpasukan seperti ini akan terus menjadi amalan dikalangan warga Putrajaya sehingga generasi yang akan datang.

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar, Putrajaya, dan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri di atas kejayaan mengelolakan Majlis pada malam ini.

Saya juga bersedia untuk menjawab sebarang pertanyaan yang ada selepas ini.

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.